

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

EUP 403 - Perakaunan Pengurusan

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 7 muka surat bercetak.

BAHAGIAN A: Soalan 1
 Soalan 2

BAHAGIAN B: Soalan 3
 Soalan 4
 Soalan 5

Jawab kesemua soalan dalam Bahagian A dan jawab dua soalan dalam Bahagian B.

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN A:

1. I. Terangkan Belanjawan Tetap dan Belanjawan Berubah.
(20%)
- II. Terangkan kebaikan Belanjawan dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam penyediaan sesuatu Belanjawan.
(40%)
- III. Apakah "zero-base budgeting" dan apakah kebaikannya?
(40%)

...3/-

2. Syarikat Vision 2020 mengilangkan 2 produk, iaitu A dan B di kilangnya.

Margin Contribution

Produk A	RM 3 seunit
Produk B	RM 5 seunit
Kos kilang tetap	RM60,000 sebulan
Kos pentadbiran dan jualan	RM20,000 sebulan

Pada masa sekarang jualan Syarikat Vision 2020 adalah seperti berikut:-

Produk A	20,000 seunit
Produk B	10,000 seunit

Pihak pengurusan Syarikat Vision 2020 sedang menilai 2 cadangan dalam pemasaran Produk A dan Produk B.

Alternatif	Jualan bulanan yang dijangka	
1.	Produk A Produk B Kos pentadbiran dan jualan	24,000 unit 9,000 unit RM18,000
2.	Produk A Produk B Kos pentadbiran dan jualan	15,000 unit 14,000 unit RM24,000

DIKEHENDAKI

- I. Jelaskan bagaimana Syarikat Vision 2020 dapat memperolehi keuntungan yang maksima iaitu sama ada dengan memilih alternatif 1 atau alternatif 2 atau meneruskan dengan cara pengeluaran yang sedang dijalankan.
- (50%)
- II. Jelaskan konsep-konsep berikut dalam belanjawan modal:
1. Tempoh bayar balik
 2. Nilai bakian mesin
 3. Susutnilai
- (30%)
- III. Terangkan "kos-kos berubah" dan "kos-kos tetap".
- (20%)

BAHAGIAN B:

3. Syarikat Malaysian Rubbertek ialah satu syarikat perkilangan dalam sektor perindustrian telah menyediakan belanjawan tahunan dan pada bulan Jun setiap tahun Syarikat ini akan mengkaji semula belanjawan tahunannya.

Berikut adalah data-data yang dipetik daripada belanjawan tahunan 1994.

A. Kos perkilangan

Berubah (mengikut kuantiti yang dikeluarkan)

Bahan	23,000 kg @ RM10 sekgr.
Buruh	360,000 jam @ RM0.80 sejam
Tenaga Elektrik	2,4000,000 unit @ RM0.01 seunit
Tetap	
Overhead kerja	12 bulan @ RM20,000 sebulan

B. Kos Pengedaran

Berubah (mengikut kuantiti yang dijual)

Pengangkutan	20,000 kg @ RM2.40 sekgr.
Jabatan Pengangkutan	12 bulan @ RM1,000 sebulan

C. Kos Jualan

Tetap	12 bulan @ RM7,5000 sebulan
-------	-----------------------------

D. Kos Pentadbiran

Tetap	12 bulan @ RM14,000 sebulan
-------	-----------------------------

E. Pengeluaran dan Jualan

Harga Jualan: 20,000 kg
20% margin keuntungan atas jumlah kos yang dirancangkan dalam belanjawan.

...5/-

- 5 -

DIKEHENDAKI:

I. Mengira harga jualan untuk satu kg. mengikut kos yang telah ditetapkan.

(50%)

II. Terangkan konsep "kos serapan" dan "kos marginal"

(20%)

III. Terangkan "kos perkilangan".

(15%)

IV. Terangkan "kos relevan".

(15%)

...6/-

4. Syarikat Timoran memperkilang dan menjual produk M. Data-data yang berkenaan adalah seperti berikut:-

Kos Tetap	RM32,000 sebulan
Kos Berubah	RM3 seunit
Harga Jualan	RM5 seunit
Jumlah jualan dijangka	20,000 unit sebulan

DIKEHENDAKI:

- I. Mengira titik pulangan bagi syarikat berdasarkan graf untung-volum. (20%)
- II. Mengira titik pulangan modal (dalam unit), margin keselamatan dan jumlah pendapatan yang dijangkakan. (20%)
- III. Syarikat Timoran bercadang menaikkan harga jualan kepada RM5.50 seunit dan jumlah jualan adalah sebanyak 18,000 unit.
- a. Kira semula titik pulangan modal (unit), margin keselamatan dan jumlah pendapatan yang dijangka. (20%)
- b. Berapa unit perlu dijual pada harga baru untuk meningkatkan pendapatan sebanyak 10% daripada peringkat sekarang? (20%)
- IV. Bincangkan dengan ringkas kebaikan model titik pulang modal sebagai alat untuk membantu syarikat dalam perancangan keuntungan. (20%)

- 7 -

5. I. Terangkan "Perakaunan Pengurusan".
(20%)
- II. Mengapa pengurus, jurutera projek atau pentadbir perlu mengetahui Perakaunan Pengurusan?
(40%)
- III. Jelaskan secara ringkas perbezaan antara Perakaunan Kewangan dengan Perakaunan Pengurusan.
(40%)

oooOOOooo

